

**Terjemahan  
Al-Qur'an**

Bersama

**Tafsir  
al-Qur'an  
Dengan  
al-Qur'an**

**Nota (9)**

**Surah al-Baqarah  
Ayat 142-167**

**Oleh: Maulana Muhammad Asri Yusoff**

dan awan yang dikendalikan di antara langit dan bumi,<sup>257</sup> sesungguhnya (pada semua itu) terdapat bukti-bukti yang jelas (tentang keesaan Allah dan kekuasaanNya) bagi orang-orang yang berfikir. [164].

(Walaupun demikian), di antara manusia ada orang-orang yang menyembah sekutu-sekutu yang lain dari Allah; mereka menyintainya sebagaimana mereka menyintai Allah. Tetapi orang-orang yang beriman amat sangat cintanya kepada Allah. Dan andainya orang-orang yang zalim<sup>258</sup> itu mengetahui ketika

---

<sup>257</sup> Di sini tidak disebut bagaimana ia dikendalikan, tetapi pada beberapa tempat lain disebutkan kaifiat dan cara-caranya. Antaranya ialah pada dua firman Allah ini:

وَهُوَ اللَّهُ الَّذِي يُرْسِلُ الْرِّيحَ بُشْرًا يَنْذِرُنَّ يَمَنَ رَحْمَتِهِ حَتَّىٰ إِذَا أَقْلَتْ سَحَابَاتِهِ نِقَالًا سُقْنَةً لِيَلْبِدُ مَيِّتَاتٍ فَأَنْزَلْنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا

بِهِ مِنْ كُلِّ الْفَمَرَاتِ كَذَلِكَ تُخْرِجُ الْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٤٧﴾

Bermaksud: Dan Dialah (Tuhan) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang menggembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakannya ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan (dan tanam-tanaman). Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu mengambil pelajaran (daripadanya). (al-A`raaf:57).

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يُرْزِقُ سَحَابَاتِهِ ثُمَّ يُؤْلِفُ بَيْنَهُنَّ رُكَاماً فَتَرَى الْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ خَلْلِهِ وَيَنْزَلُ مِنْ أَلْسُنَاتِهِ مِنْ جِبَالٍ فِيهَا مِنْ بَرَدٍ قَيْصِبُ يَدِهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَضْرِفُهُ وَعَنْ مَنْ يَشَاءُ يَكَادُ سَنَا بَرْقِهِ يَذْهَبُ إِلَيْهِ بَصَرِهِ ﴿٤٨﴾

Bermaksud: Tidakkah engkau melihat bahawa Allah mengarik awan, kemudian mengumpulkan kelompok-kelompoknya, kemudian menjadikannya tebal berlapis-lapis? Lalu engkau melihat hujan turun dari celah-celahnya dan Allah (juga) menurunkan hujan batu dari langit, dari gunung-ganang (awan) yang ada padanya; maka Dia menimpa hujan batu itu kepada sesiapa yang dikehendakiNya, dan memalingkannya dari sesiapa yang dikehendakiNya. Sinaran kilat yang terpancar dari awan yang demikian keadaannya, hampir-hampir menyambar dan menghilangkan pandangan. (an-Nuur:43).

<sup>258</sup> Yang dimaksudkan dengan orang-orang yang zalim di sini ialah orang-orang kafir. Buktinya ialah ayat 167 selepas ini disudahi dengan firman Allah: وَمَا هُنْ بِخَرِجِينَ مِنَ النَّارِ (dan mereka tidak sekali-kali akan keluar dari neraka). Firman Allah ini menunjukkan mereka adalah orang-orang kafir. Kerana orang-orang yang beriman tidak akan kekal di dalam neraka. Selain itu, menurut Al-Qur'an kekufuran dan kesyirikan juga merupakan salah satu bentuk kezaliman. Malah ia dikatakan kezaliman yang sangat besar. Beberapa firman Allah dengan jelas menyebutkan demikian. Antaranya ialah ketika Allah membenarkan nasihat Luqman kepada anaknya melalui firmanNya ini:

mereka melihat siksa (pada hari kiamat), bahawa kekuatan itu kepunyaan Allah semuanya, dan bahawa Allah amat berat siksaanNya (niscaya mereka tidak akan melakukan kezaliman itu). [165].

(iaitu) ketika orang-orang yang diikuti berlepas diri dari orang-orang yang mengikutinya,<sup>259</sup> dan mereka melihat azab; dan (ketika) segala hubungan antara mereka terputus sama sekali. [166].

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانَ لِأَنْبِيَاءِهِ وَهُوَ يَعْظُمُهُ يَبْيَأُ لَا تُشْرِكُ بِاللَّهِ إِنَّ الشَّرِكَةَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa dia memberi nasihat kepadanya: "Wahai anak kesayanganku! Janganlah engkau mempersekuatkan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang sangat besar." (Luqman:13).

Dua firman Allah di bawah ini juga menunjukkan perkara yang sama:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ عَامَنُوا أَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ يَوْمٌ لَا يَبْيَعُ فِيهِ وَلَا خُلْلٌ وَلَا شَفَعَةٌ وَالْكَافِرُونَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٢٥٤﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (di jalan Allah) sebahagian dari rezeki yang telah Kami berikan kepadamu sebelum datang hari di mana tidak ada lagi jual beli dan tidak ada lagi syafa'at padanya. Dan orang-orang kafir itulah orang-orang yang zalim. (al-Baqarah:254).

وَلَا تَذْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْتَعْكُ وَلَا يَضُرُّكُ فَإِنْ فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذَا مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿١٥٦﴾

Bermaksud: Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah sst yang lain dari Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat dan juga tidak dapat mendatangkan mudharat kepadamu. Oleh itu, sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka termasuklah engkau dalam golongan orang-orang yang zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu). (Yunus:106).

<sup>259</sup> Firman Allah ini mengisyaratkan kepada dialog dan kata mengata yang akan berlaku di antara sesama ahli neraka. Selain ayat ini terdapat beberapa lagi ayat Al-Qur'an yang menceritakan hal yang sama. Antaranya ialah ayat-ayat berikut:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَنْ تُؤْمِنَ بِهَذَا الْقُرْءَانَ وَلَا بِالَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَلَوْ تَرَى إِذَ الظَّالِمِينَ مَوْتَوْفُونَ عِنْدَ رَيْتِمِ يَرْجِعُ بَعْضُهُمُ إِلَيْ بَعْضِهِنَّ الْقَوْلَ يَقُولُ الَّذِينَ أَسْتَضْعِفُو لِلَّذِينَ أَسْتَكْبِرُو لَوْلَا أَنْتُمْ لَكُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٦﴾ قَالَ الَّذِينَ أَسْتَكْبِرُوا لِلَّذِينَ أَسْتَضْعِفُو أَتَخْنُ صَدَّقَتْكُمْ عَنِ الْهُدَىٰ بَعْدَ إِذْ جَاءَكُمْ بِلْ كُنْشَ تُحْرِمِينَ ﴿٧﴾ وَقَالَ الَّذِينَ أَسْتَضْعِفُو لِلَّذِينَ أَسْتَكْبِرُوا بِلْ مَكْرُ الَّذِي وَالنَّهَارِ إِذْ تَأْمُرُونَا أَنْ تَكْفُرَ بِاللَّهِ وَنَجْعَلَ لَهُ أَنْذَادًا وَأَسْرُو أَنْذَادَهُ لَنَا زَوْاً الْعَذَابَ وَجَعَلْنَا الْأَخْلَلَ فِي أَعْنَاقِ الَّذِينَ كَفَرُوا هُلْ يَجْزِوْنَ إِلَّا مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Bermaksud: Dan orang-orang yang kafir berkata: Kami tidak akan beriman sama sekali kepada Al-Quran ini dan tidak juga kepada Kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya. Dan (sungguh ngeri) kalau engkau melihat ketika orang-orang yang zalim itu dibawa berdiri di hadapan Tuhan mereka (untuk dihisab), masing-masing

Dan berkatalah orang-orang yang menjadi pengikut itu: "Andainya kami mendapat peluang kembali ke dunia, tentulah kami akan berlepas diri dari mereka, sebagaimana sekarang mereka berlepas diri dari kami." Demikianlah Allah memperlihatkan amalan-amalan mereka menjadi penyesalan-penesalan kepada mereka; dan mereka tidak sekali-kali akan keluar dari neraka. [167].

---

tuduh menuduh antara satu dengan yang lain. Orang-orang yang tertindas berkata kepada orang-orang sompong (yang menjadi ketuanya): Kalaulah tidak kerana kamu (menindas dan memperdayakan kami), tentulah kami sudah menjadi orang-orang yang beriman. (31).

Orang-orang yang sompong itu menjawab kepada orang-orang yang tertindas: "Kamikah yang telah menghalangmu daripada menerima petunjuk sesudah ia datang kepadamu? (Bukan kami yang menghalang) bahkan kamulah yang menyebabkan diri sendiri menjadi orang-orang yang berdosa." (32).

Dan berkata pula orang-orang yang tertindas kepada orang-orang yang sompong itu: "Tidak! Bahkan (yang menghalang kami daripada beriman ialah) perbuatan kamu memperdaya kami malam dan siang, ketika kamu menyuruh kami berlaku kufur kepada Allah dan mengadakan sekutu-sekutu bagiNya. Akhirnya masing-masing diam sambil memandamkan perasaan sesal dan kecewa semasa mereka melihat azab dan Kami pasangkan belenggu-belenggu pada leher orang-orang yang kafir itu. Mereka tidak dibalas melainkan kerana apa yang mereka telah kerjakan. (33). (Saba':31-33).

**Terjemahan  
Al-Qur'an**

Bersama

**Tafsir  
al-Qur'an  
Dengan  
al-Qur'an**

**Nota (10)**

**Surah al-Baqarah  
Ayat 168-188**

Oleh: Maulana Muhammad Asri Yusoff

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُوْمَاهِمَا فِي الْأَرْضِ حَلَّا طَبِيْبَا ۝ وَلَا تَتَّبِعُوا حُطُولَتِ الشَّيْطَنِ ۝ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ۝ إِنَّمَا يَأْمُرُكُمْ بِالشَّوْعَةِ ۝ وَالْفَحْشَاءِ ۝ وَأَنْ تَنْقُولُوا عَنِ اللَّهِ مَا لَا تَعْنِمُونَ ۝ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ اتَّبِعُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا بَلْ نَتَّبِعُ مَا أَنْقَلَ اللَّهُ عَلَيْهِ أَبَاهَا ۝ أَوَلَوْ كَانَ أَبَاهُمُ لَا يَعْقِلُونَ شَيْئًا ۝ وَلَا يَهْتَدُونَ ۝ وَمَقْلُ الَّذِينَ كَفَرُوا كَمَقْلُ الَّذِي يَنْعِقُ بِمَا لَا يَسْمَعُ إِلَّا دُعَاءً وَنَدَاءً ۝ كُمْ بِكُمْ عُمَىٰ فَهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ۝

Wahai sekalian manusia! Makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan;<sup>260</sup> kerana sesungguhnya ia adalah musuhmu yang nyata.<sup>261</sup> [168].

Sesungguhnya syaitan itu hanya (tahu) menyuruh kamu melakukan kejahanan dan perbuatan yang keji,<sup>262</sup> dan (menyuruh kamu) membuat pembohongan

<sup>260</sup> dalam menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. Kerana Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ هَمَنُوا لَا تُحَرِّمُوا طَبِيْبَتِ مَا أَحَلَ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْنَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُ الْمُعْنَدِيْنَ ۝ وَلَكُمْ مِّنَ الرَّزْقِ كُمْ اللَّهُ حَلَّا طَبِيْبَا وَأَنْقُوا اللَّهُ أَلَّدِي أَنْثَمِ بِهِ مُؤْمِنُونَ ۝

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik-baik yang telah dihalalkan oleh Allah kepadamu dan janganlah kamu melampaui batas (pada apa yang telah ditetapkan halalnya itu); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas. (87).

Dan makanlah makanan yang halal lagi baik dari apa yang Allah telah rezekikan kepadamu, dan bertakwalah kepada Allah yang kepadaNya sahaja kamu beriman. (88). (al-Maa' idah:87-88).

<sup>261</sup> Apa yang dapat difahami daripada ayat ini ialah syaitan itu suka makan makanan-makanan yang tidak halal dan tidak baik. Syaitan juga suka sangat kalau manusia mengikutinya dalam perkara ini. Sedangkan manusia tidak sepatutnya mengikut syaitan dalam perkara apa sekalipun, kerana ia perlu sedar bahawa syaitan itu adalah musuhnya yang nyata. Apa yang disukai syaitan untuk manusia tentunya tidak baik akibatnya kepada manusia.

<sup>262</sup> Makna perkataan الفحشاء (perbuatan yang keji) juga sememangnya telah termasuk dalam erti umum perkataan السوء (kejahanan kerana menyalahi ketetapan syariat) yang tersebut sebelumnya. (Tetapi oleh kerana perkataan الفحشاء itu lebih menunjukkan kejahanan dan penyelewengan di sudut seks dan ia merupakan cabaran dan ujian yang amat dahsyat kepada manusia,) maka ia disebutkan pula secara berasingan. Cara penggunaan yang sama dapat dilihat umpamanya pada firman Allah berikut:

وَلَقَدْ هَمَتْ بِهِ وَهَمَ بِهَا أَنَّ رَعَى بَرْهَنَ رَبِيْبَهُ كَذَلِكَ لِتَصْرِيفِ عَنْهُ أَشْتَهَهُ وَالْفَحْشَاءَ إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُخَلَّصِيْنَ ۝

terhadap Allah dalam perkara-perkara yang kamu tidak mengetahui (bahawa ia dari ajaran Allah).<sup>263</sup> [169].

---

Bermaksud: Sesungguhnya perempuan itu telah berkeinginan sangat kepadanya, dan dia (Yusuf) pun berkeinginan juga kepadanya (perempuan itu), jika dia tidak melihat keterangan Tuhan (tentang kejinya perbuatan itu). Demikianlah (takdir Kami) untuk menjauhkan darinya kejahatan dan perbuatan yang keji, kerana sesungguhnya dia dari hamba-hamba Kami yang tulus ikhlas. (Yusuf:24).

<sup>263</sup> Ayat 169 ini menyatakan sebab dan alasan bagi larangan Allah terhadap manusia daripada mengikut jejak langkah syaitan. Selain syaitan itu musuh yang nyata bagi manusia, ia juga hanya akan menyuruh manusia melakukan kejahatan dan perbuatan yang keji, dan membuat pembohongan terhadap Allah dalam perkara-perkara yang tidak diketahuinya. Di dalam Surah an-Nuur juga Allah menyebutkan sebab dan alasan yang sama. Lihat firmanNya di dalam Surah an-Nuur itu:

۝يَٰٰيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّبِعُوا حُطُوتَ الشَّيْطَانِ وَمَن يَتَّبِعُ حُطُوتَ الشَّيْطَانِ فَإِنَّهُ يَأْمُرُ بِالْخُسْنَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ رَمَّنَكُمْ مِّنْ أَهْدِ أَبْدَأَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يُرِّيَ مَن يَتَّقَاءُ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ۝

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan. Sesiapa yang mengikut jejak langkah Syaitan, maka sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menyuruh (pengikut-pengikutnya) melakukan perkara yang keji dan perbuatan yang mungkar. Kalauolah tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepadamu, nescaya tidak ada seorang pun di antara kamu menjadi bersih (dari perbuatan-perbuatan keji dan mungkar itu) selama-lamanya; akan tetapi Allah membersihkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (an-Nuur:21).

**Bagaimakah cara manusia membuat** pembohongan terhadap Allah dalam perkara-perkara yang tidak diketahuinya? Di dalam ayat ini tidak dijelaskan, tetapi ia dijelaskan di dalam sekian banyak ayat-ayat yang lain. Antaranya ayat-ayat di bawah ini:

مَا جَعَلَ اللَّهُ مِنْ بَحِيرَةٍ وَلَا سَآبِيَّةٍ وَلَا وَصِيلَةٍ وَلَا حَامِرٍ وَلَكِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا يَقْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَأَكْثَرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ۝

Bermaksud: Allah tidak pernah sekali-kali mensyariatkan adanya Bahirah, Saa'ibah, Washilah dan Haam. Akan tetapi orang-orang kafir itu sentiasa mengada-adakan perkara dusta terhadap Allah dan kebanyakan mereka tidak menggunakan akal fikirannya. (al-Maa'idah:103).

فَذَكَرَ اللَّهُ الْأَكْبَرُ قَتَلُوا أَوْلَادَهُمْ سَفَهًا بِقَيْرَاعٍ عَلَى اللَّهِ قَدْ حَرَمُوا مَا رَزَقَهُمُ اللَّهُ أَفَتَرَأُهُمْ عَلَى اللَّهِ قَدْ ضَلُّوا وَمَا كَانُوا مُهَتَّدِينَ ۝

Bermaksud: Sesungguhnya rugilah orang-orang yang membunuh anak-anak mereka kerana kebodohan, lagi tidak berpengetahuan (sedang Allah yang memberi rezeki kepada sekalian makhluknya) dan juga (rugilah orang-orang yang) mengharamkan apa yang telah dikurniakan oleh Allah kepada mereka, dengan berdusta terhadap

Allah. Sesungguhnya sesatlah mereka dan tiadalah mereka mendapat petunjuk. (al-An`aam:140).

فُلْ أَرْعَيْتُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ لَكُمْ مِنْ رِزْقٍ فَجَعَلْتُمْ مِنْهُ حَرَامًا وَحَلَالًا قُلْ مَا اللَّهُ أَذِنَ لَكُمْ أَمْ عَلَى اللَّهِ تَفَرَّوْنَ ۝

Bermaksud: Katakanlah (kepada kaum yang mengada-adakan sesuatu hukum): “Terangkanlah kepadaku tentang rezeki yang diturunkan Allah kepadamu, lalu kamu jadikan sebahagiannya haram dan (sebahagiannya) halal”. Katakanlah lagi (kepada mereka): “Adakah Allah telah mengizinkan kepadamu berbuat demikian atau kamu hanya mengada-adakan secara dusta terhadap Allah?” (Yunus:59).

وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصْفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَلَالٌ وَهَذَا حَرَامٌ لَعَنَّ اللَّهِ الْكَذِبُ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا يُنْهِيُونَ ۝

Bermaksud: Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidahmu: “Ini halal dan ini haram”, untuk mengada-adakan kebohongan terhadap Allah; sesungguhnya orang-orang mengada-adakan kebohongan terhadap Allah tidak akan berjaya. (an-Nahl:116).

**Syirik dan mengatakan Allah** mempunyai anak juga termasuk dalam pembohongan yang telah dibuat oleh manusia terhadap Allah. Kerana itu Allah pada sekian banyak tempat di dalam Al-Qur'an menyucikan DiriNya daripada sebarang bentuk kesyirikan. Antaranya pada dua firmanNya seperti di bawah ini:

وَيَقْبَلُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ وَيَقُولُونَ هُؤُلَاءُ شَفَعُونَا عِنْدَ اللَّهِ قُلْ أَنْتُمْ شَفَعَوْنَ اللَّهُ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِي الْأَسْمَوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَنِّي يُنْهِيُونَ ۝

Bermaksud: Dan mereka menyembah yang lain dari Allah, sesuatu yang tidak dapat mendatangkan mudharat kepada mereka dan tidak (pula) manfa`at, dan mereka berkata: “Mereka (yang kami sembah itu) ialah pemberi-pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah”. Katakanlah (wahai Muhammad): “Adakah kamu hendak memberitahu kepada Allah akan apa yang Dia tidak mengetahui adanya di langit dan di bumi (padahal Allah mengetahui segala-galanya)?” Maha Suci Allah dan tertinggi keadaanNya dari apa yang mereka sekutukan. (Yunus:18).

وَقَالُوا أَنْخَذَ اللَّهُ وَلَدًا سُبْحَانَنَا وَبَلْ لَهُ وَمَا فِي الْأَسْمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مُلْكُ اللَّهِ قَنْتَرُونَ ۝

Bermaksud: Mereka (orang-orang kafir) berkata: “Allah mempunyai anak”. Maha Suci Allah (dari anak), bahkan apa yang ada di langit dan di bumi adalah kepunyaan Allah; semua tunduk kepadaNya. (al-Baqarah:116).

Syirik adalah sesuatu yang tidak pernah ada dalam ajaran agama Allah. Syirik adalah sesuatu yang tidak pernah diresmui Allah. Ia sememangnya ajaran syaitan. Mana boleh ajaran syaitan diikuti? Andaikata kedua ibu bapa seseorang menghendaki, malah mendesaknya melakukan syirik, ia tetap tidak dibenar mensyirikkan Allah. Lihat firman Allah ini sebagai buktinya:

وَإِنْ جَهَدَكُمْ عَلَى أَنْ تُشْرِكُوا بِمَا لَيْسَ لَكُمْ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطْعِمُهُمَا وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَغْرُورٌ وَأَيْنَعُ سَيِّلٌ مَنْ أَنْابَ إِلَيْنَا مُرْجِعُكُمْ فَأُنْتِي شُمُّ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ۝

Dan apabila dikatakan kepada mereka: “Ikutilah apa yang telah diturunkan Allah”, mereka menjawab: “(Tidak), tetapi kami hanya mengikuti apa yang telah kami dapati nenek moyang kami melakukannya”. “(Apakah mereka akan mengikuti juga), walaupun nenek moyang mereka tidak mengerti suatu apapun (tentang perkara-perkara ugama), dan tidak (pula) mendapat petunjuk (dari Allah)?” [170].

Bandingan orang-orang yang kafir (dan musyrik yang menyeru dan berdoa kepada selain Allah) sama seperti orang (penggembala) yang memanggil binatang yang tidak mendengar selain panggilan dan seruan sahaja.<sup>264</sup> Mereka tuli, bisu dan buta, maka (oleh sebab itu) mereka tidak mengerti.<sup>265</sup> [171].

---

Bermaksud: Dan jika mereka berdua (ibu bapa) mendesakmu supaya engkau mempersekuatkan dengan Daku apa yang engkau tiada ketahui, maka janganlah engkau taat kepada mereka dan bergaullah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik dan turutlah jalan orang yang kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang saleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu (semuanya), lalu Aku akan menerangkan kepadamu tentang apa yang telah kamu kerjakan (semasa di dunia dahulu). (Luqman:15).

<sup>264</sup> Kerana pada hakikatnya mereka menyeru dan berdoa kepada sesuatu yang tidak dapat menerima dan menyempurnakan apa-apa permohonannya. Firman Allah berikut menerangkan lagi maksudnya:

لَهُ دُعَةٌ أَلْحَقُّ وَالَّذِينَ يَذْعُونَ مِنْ دُونِهِ لَا يَسْتَجِيبُونَ لَهُمْ بِشَيْءٍ إِلَّا كَبِيسْطٍ كَفِيْهُ إِلَى الْنَّاءِ لِيَنْلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ بِبَلِغٍ  
وَمَا دُعَاءُ الْكُفَّارِينَ إِلَّا فِي ضَلَالٍ ﴿١٤﴾

Bermaksud: Hanya Allah sahaja dapat mengabulkan doa yang benar. Dan berhalal-berhalal yang mereka sembah dan seru selain Allah tidak dapat menyahut dan memperkenankan sesuatu apapun permohonan mereka, melainkan seperti orang yang membentangkan kedua telapak tangannya kepada air supaya ia sampai ke mulutnya, padahal air itu sudah tentu tidak dapat sampai ke mulutnya. Dan doa (ibadat) orang-orang kafir itu, hanyalah sia-sia belaka. (ar-Ra`d:14).

<sup>265</sup> Itu keadaan orang-orang atau sesuatu yang diseru dan dipersembahkan doa kepadanya selain Allah. Ini pula keadaan orang-orang yang menyeru dan berdoa kepada selain Allah. Mereka dikatakan tuli kerana tidak dapat mendengar seruan kebenaran. Mereka dikatakan bisu kerana tidak dapat berkata benar dan mereka juga dikatakan buta kerana tidak nampak kebenaran. Di dalam ayat yang lain Allah menyatakan keadaan orang-orang seperti itu begini:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِنْ أَلْجِنَ وَالْأَنْبِسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَا يَنْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبَصِّرُونَ بِهَا وَلَهُمْ عَذَابٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَالْأَنْعَمِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ الْغَفِيلُونَ ﴿١٥﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذْ كُنُوا مِنْ طِينَتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَأَشْكُرُوا لِهِوَ الَّذِي كُنْتُمْ إِيمَانًا تَعْبُدُونَ ۝ إِنَّمَا حَرَمَ عَلَيْكُمُ الْبَيْتَةَ وَالدَّمْ  
وَلَحْمَ الْحِنْدِيَّ وَمَا أُهِلَّ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنْ أَصْطَرَهُ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِلَهَ إِلَّا هُنَّا عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ۝

Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah makanan-makanan yang baik (halal) yang telah Kami kurniakan kepadamu<sup>266</sup> dan bersyukurlah kepada Allah (atas kurniaaNya itu), jika benar kamu hanya beribadat kepadaNya. [172].

Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepadamu (memakan) bangkai,<sup>267</sup> darah,<sup>268</sup> daging babi, dan binatang yang disembelih bukan dengan nama

Bermaksud: Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka Jahannam ramai dari kalangan jin dan manusia, mereka mempunyai hati, (tetapi) tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah), mereka mempunyai mata, (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga, (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai. (al-Araaf:179).

<sup>266</sup> Jangan pula kamu mengharamkannya sesuka hatimu. Kerana Allah mlarang kamu berbuat begitu menerusi firmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُحِرِّمُوا طَبِيبَتِ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُنْتَدِينَ ۝

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik-baik yang telah dihalalkan oleh Allah kepadamu dan janganlah kamu melampaui batas (pada apa yang telah ditetapkan halalnya itu); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas. (87).

(al-Maa'iddah:87).

<sup>267</sup> Perkataan bangkai pada zahirnya merangkumi semua jenis bangkai, iaitu binatang yang mati tanpa disembelih menurut syara'. Tetapi berdasarkan ayat ke-96 Surah al-Maa'iddah, ada bangkai yang dikecualikan daripada pengharaman yang terdapat di dalam ayat ke-173 ini. Bangkai yang tidak diharamkan memakannya malah ia dihalalkan oleh Allah ialah bangkai binatang-binatang laut atau hidupan air, sama ada ia diburu atau tidak. Lihat ayat ke-96 Surah al-Maa'iddah berkenaan di bawah ini:

أَحِلَّ لَكُمْ صَيْنَدُ الْبَخْرِ وَطَعَامُهُ وَمَتَعَا لَكُمْ وَلِلْسَّيَارَةِ وَحُرْمَمَ صَيْنَدُ الْبَرِّ مَا دُمْشَمْ حُرْمَمَا وَأَتَقْوَا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ تُخْشِرُونَ ۝

Bermaksud: Dihalalkan bagimu binatang buruan laut dan makanan (yang berasal) dari laut sebagai makanan yang lazat bagimu, dan bagi orang-orang yang dalam perjalanan; dan diharamkan atasmu (menangkap) binatang buruan darat, selama kamu dalam ihram. Dan bertakwalah kepada Allah Yang kepadaNyalah kamu akan dikumpulkan. (al-Maa'iddah:96).

Dengan itu dapatlah difahami bahawa bangkai yang diharamkan di dalam ayat ke-173 Surah al-Baqarah ini hanyalah bangkai binatang yang hidup di daratan.